

Perluas program mentor-mentee di IPT tingkat keupayaan siswa

Nefar
De Mohd Adib
Abd Muin,
Pusat
Pengajian
Perniagaan
Islam (IBS),
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Program *mentor-mentee* menjadi inisiatif semakin popular dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk menyokong perkembangan holistik mahasiswa.

Ia bertujuan membolehkan mahasiswa mendapat panduan dan sokongan daripada individu lebih berpengalaman dalam suasana universiti.

Tujuan utama, termasuk meningkatkan kejayaan akademik, pembangunan kemahiran insaniah dan membentuk pelajar lebih berdaya tahan.

Ia menterjemahkan semangat daripada ayat 66 surah al-Kahf: "Musa berkata kepada Khidir: 'Bolehkah aku mengikutimu supaya engkau mengajarkan kepadaku ilmu yang benar antara ilmu-ilmu yang diajarkan kepadamu?'"

Nabi Musa AS mencari ilmu daripada Khidir sebagai guru atau pembimbing, walaupun Baginda sendiri adalah nabi. Ini menunjukkan pentingnya mencari bimbingan daripada orang lebih berilmu.

Malah, dalam hadis diriwayatkan Imam Tirmizi daripada Nabi Muhammad SAW: "Orang yang menunjukkan kepada kebaikan adalah seperti orang yang melakukannya."

Mentor adalah orang menunjukkan jalan kebaikan kepada orang lain. Maka, ia mendapat gan-

jaran seperti orang mengikutinya.

Pertama, kita boleh menentukan pasangan *mentor-mentee* berdasarkan bidang pengajian, minat dan matlamat pembangunan peribadi.

Kedua, sesi orientasi diadakan untuk memahami peranan dan tanggungjawab setiap pihak.

Ketiga, penjadualan pertemuan berkala untuk membincangkan pencapaian akademik, cabaran dan matlamat peribadi.

Pelbagai manfaat boleh diterima mahasiswa antaranya peningkatan pencapaian akademik melalui bimbingan daripada mentor dan pembangunan kemahiran interpersonal dan insaniah.

Atasi tekanan akademik, kehidupan kampus

Selain itu, pendedahan kepada persekitaran universiti dan industri melalui pengalaman *mentor* serta sokongan emosional dalam menangani tekanan akademik dan kehidupan kampus.

Ia juga boleh membantu dari segi pembangunan kemahiran kepimpinan dan pengajaran, selain peningkatan keupayaan komunikasi serta kemahiran sosial.

Begitu juga, pencapaian keupayaan melalui memberi impak positif kepada pembangunan mahasiswa *mentee* dan peluang menjalin rangkaian profesional serta meningkatkan profil diri.

Bagi menguji keberkesanan program *mentor-mentee* beberapa langkah boleh dilakukan.

Pertama, penggunaan penilaian prestasi akademik sebagai petunjuk kejayaan.

Kedua, kajian keupuasan *mentor* dan *mentee* sebagai alat pengukur kualiti program.

Ketiga, pemantauan perubahan sikap dan pembangunan diri melalui temu bual dan refleksi.

Beberapa cabaran dan cadangan peningkatan pelaksanaan program *mentor-mentee* ini wajar diberikan penekanan, iaitu pengurusan masa dan kesesuaian jadual antara *mentor* dan *mentee*, pemantauan kesan program dalam jangka masa panjang serta keperluan penyelarasan dengan inisiatif pendidikan lain untuk memastikan kesinambungan dan integrasi.

Pelaksanaan program *mentor-mentee* terbukti berkesan dalam meningkatkan prestasi dan pembangunan diri mahasiswa universiti. Kesannya bukan hanya dalam konteks akademik, bahkan membentuk individu lebih kompeten dan bersedia menyertai masyarakat profesional.

Dengan terus menilai dan meningkatkan program, IPT dapat memastikan pelaksanaan yang berkesan dan memberikan impak positif kepada pembangunan mahasiswa secara holistik serta bersedia menempuh alam kerjaya selepas bergraduasi.